

Nuklear: Segerakan

dialog antarabangsa

16 OCT 2002

KUALA LUMPUR 15 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, satu dialog antarabangsa perlu diadakan segera bagi membincangkan ketidakadilan dalam sesuatu penghakiman berhubung penggunaan teknologi nuklear.

Perdana Menteri berkata, selain itu dialog berkenaan boleh menjadi tempat mencari kaedah terbaik menangani ancaman senjata nuklear dan menilai semula kemajuan program pengurangan senjata itu yang tidak menampakkan kemajuan.

Beliau berkata, ini penting kerana kini terdapat kecenderungan beberapa negara untuk menghakimi negara-negara tertentu sebagai memajukan ataupun berhasrat untuk membangunkan senjata nuklear tanpa merujuk kepada agensi-agensi tertentu yang telah diberi kuasa untuk membuat penghakiman.

“Kita telah melihat bagaimana berat sebelah penghakiman satu pihak. Jika sesebuah negara yang membangunkan senjata itu adalah sekutunya, tiada tindakan akan diambil untuk menghalang pembangunan, pemilikan ataupun untuk mengenakan kawalan terhadap senjata nuklear itu.

“Jika bukan sekutu, ia akan menunjukkan kemarahannya dan mengenakan segala kekuatan ketenteraannya terhadap negara-negara terbabit,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Nuklear Antarabangsa 2002 di sini, hari ini.

Sebanyak 150 kertas kerja akan dibentangkan pada persidangan selama empat hari itu.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding dan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia, Datuk Dr. Ahmad Sobri Hashim.

Menurut Dr. Mahathir, semua pihak mempunyai tanggungjawab kepada dunia dan kesejahteraan masa depan untuk mengadakan dialog seumpama itu bagi mencari persetujuan bersama dan kaedah pelbagai peringkat yang terbaik untuk mencapai matlamat pengurangan dan pemusnahan senjata nuklear.

Perdana Menteri berkata, semua penilaian daripada dialog berkenaan perlu dibuat dengan bebas tanpa memihak kepada mana-mana negara.

Beliau menambah, semua pihak terlibat juga tidak harus dikaburi kepentingan dalam negara yang sempit semasa mengadakan dialog seperti itu.

Pada sidang media selepas itu, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa beliau tidak mahu terlalu spesifik dalam menyatakan negara yang mengamalkan sikap berat sebelah.

“Tetapi, satu perkara saya tahu ialah tiada tekanan dikenakan ke atas Israel untuk menghapuskan senjata berbahaya mereka.

“Bagaimanapun, tekanan yang hebat telah dikenakan ke atas negara lain,” katanya.

Mengulas lanjut mengenai punca keganasan, beliau berkata, antara punca ialah serangan terhadap rakyat Palestin, cadangan untuk menyerang Iraq dan tuduhan-tuduhan melulu terhadap negara Islam.